

12 APR 2002

Kelantan-Jamuan

SULTAN KELANTAN HADIRI JAMUAN RAKYAT BERSAMA PERDANA MENTERI

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Sultan dan Raja Perempuan Kelantan berserta kerabat di raja Kelantan menghadiri "Majlis Jamuan Rakyat" bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan puluhan ribu rakyat di perkarangan Istana Negeri, Kubang Kerian di sini, malam ini.

Majlis berkenaan yang merupakan majlis makan malam di kawasan terbuka membabitkan 30,000 tempat duduk diadakan sempena sambutan Hari Keputeraan Sultan Kelantan ke 52.

Majlis itu turut mendapat pengiktirafan oleh Malaysia Book Of Records iaitu membabitkan penganjuran perarakan burung terbesar dan majlis jamuan malam membabitkan paling ramai jemputan bagi satu-satu masa.

Perdana Menteri turut menjadi saksi penganugerahan sijil bagi rekod-rekod itu kepada pihak penganjur iaitu Majlis Tindakan Rakyat Kelantan -- sebuah badan bukan kerajaan.

Majlis yang disambut secara gilang-gemilang itu dengan bantuan penajaan beberapa syarikat korporat dan pihak tertentu turut disiarkan secara langsung melalui TV1 bermula pukul 9 malam.

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Jamuan Rakyat, Datuk Paduka Ibrahim Ali berkata tujuan majlis itu diadakan ialah bagi memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Kelantan dan memperkasa serta memartabatkan institusi raja sebagai payung rakyat.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohamad Najib Tun Razak, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed,

Majlis itu dimulai dengan Sultan dan Raja Perempuan Kelantan, Tengku Mahkota dan adinda-adindanya serta Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah, masing-masing diarak dari Istana Mahkota ke Istana Negeri sejauh kira-kira 1.5 kilometer dengan menaiki beberapa buah kereta kuda yang didatangkan khas dari Lampang, Chiang Mai di Utara Thailand.

Tetamu khas terdiri daripada menteri kabinet dan ketua menteri juga diarak dengan beca khas yang dihiasi.

Perarakan itu juga membabitkan replika burung Petalawati, sejenis burung yang ada kaitan dengan legenda Puteri Saadong, sepanjang 7.3 meter dan lebar 6.1 meter, yang menjadi tarikan orang ramai.

Sejurus tiba di Istana Negeri, kereta kuda itu bersama dengan kuda penarik dipersembahkan masing-masing kepada Sultan Kelantan, Dr Mahathir dan Tengku Mahkota manakala replika burung Petalawati itu dipersembahkan kepada Raja Perempuan.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir meminta rakyat Kelantan membuat pilihan bijak dalam menentukan kerajaan negeri yang mampu untuk membangun dan mensejahterakan negeri itu, yang kini mundur berbanding negeri-negeri di pantai barat.

"Saya yakin rakyat Kelantan sudahpun sedar bahawa kalau kita membuat pemilihan yang kurang bijak ataupun buat pilihan kerana kita berasa marah kepada sesuatu kemungkinan, pemilihan kita itu tidak akan datang hasil yang baik kepada kita.

"Kita perlu membendung perasaan kita, perlu lindungi diri kita daripada penipuan yang dibuat oleh pihak tertentu kerana ingin mendapat sesuatu kepada diri mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan pusat akan bersedia membantu Kelantan dan rakyatnya menjadi sebuah negeri yang membangun yang mampu menyediakan pembangunan dan pekerjaan kepada rakyatnya, yang kini banyak berhijrah ke ibu kota.

"Kalau diwaktu inipun kita dapat membekalkan Kelantan dengan jumlah peruntukan yang tidak kecil iaitu hampir RM4 bilion tiap-tiap tahun, apatah lagi kalau kita mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan negeri Kelantan yang sebulu dengan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak berniat untuk berkempen, "namun demikian berharap saya dibenarkan untuk menyatakan sesuatu yang benar".

Majlis itu turut diserikan dengan persembahan artis-artis popular tanah air termasuk Siti Norhaliza dan Nora.

Tembakan bunga api menerangi ruang langit kawasan Istana berkenaan, yang turut disaksikan oleh berpuluh-puluh ribu rakyat yang berada di luar istana setelah gagal memasuki kawasan istana yang penuh dan sesak.

Kerajaan Pas Kelantan bagaimanapun enggan mengiktiraf majlis itu terutama kerana melibatkan perarakan burung yang disifatkan sebagai khurafat serta mengandungi persembahan artis yang selama ini tidak dibenarkan oleh dasar pemerintahan Pas di Kelantan.

Beberapa jalan utama yang menghubungkan Istana Negeri antaranya Jalan Kota Baharu-Pasir Puteh bermula pada lampu isyarat persimpangan ke Pasir Hor dan lampu isyarat persimpangan Pasir Tumboh telah ditutup sejak pukul 5.30 petang.

Persembahan di istana malam ini diisi dengan pelbagai persembahan seni dan kebudayaan seperti silat, tarian tradisional dan bacaan sajak.

-- BERNAMA

BD RAR FAZ